



# **Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil N24 Semenyih**

**8 Mac 2019**

# Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil N24 Semenyih

## 1. Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) N24 Semenyih dijalankan selepas ahli dewan undangan negeri Semenyih, Bakhtiar Mohd Nor meninggal dunia pada 11 Januari 2019. Hari penamaan calon PRK Semenyih ditetapkan pada 16 Februari 2019 dan hari mengundi ditetapkan pada 2 Mac 2019.

Terdapat 4 calon yang bertanding dalam PRK ini, iaitu calon Barisan Nasional (BN) Zakaria Hanafi, calon Pakatan Harapan (PH) Muhammad Aiman Zainali, calon Parti Sosialis Malaysia (PSM) Nik Aziz Afiq Abdul dan calon bebas Kuan Chee Heng.

BERSIH 2.0 telah menghantar 14 pemerhati pilihan raya yang terdiri daripada urusetia dan sukarelawan BERSIH 2.0 untuk menjalankan pemerhatian dalam PRK tersebut.

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian bagi

- 1) Penamaan calon
- 2) Kempen pilihan raya
- 3) Pengundian awal
- 4) Pengundian dan pengiraan undi biasa
- 5) Pengiraan undi berkelompok
- 6) Penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi

BERSIH 2.0 memberi fokus kepada pemantauan salah laku dan kesalahan pilihan raya. 35 kes telah dicatat sepanjang tempoh PRK termasuk sebelum hari penamaan calon, hari penamaan calon, sepanjang tempoh berkempen dan hari mengundi. Pecahan kes mengikut kategori dan parti politik adalah seperti berikut:

Kategori salah laku dan kesalahan pilihan raya	PH	BN	Lain-lain	Jumlah kes mengikut kategori
Pengaruh tidak wajar	8	-	-	8
Pemberian hadiah atau penjamuan makanan	5	-	-	5
Keganasan, intimidasi dan gangguan	-	1	1	2
Penggunaan kaum dan agama dalam kempen pilihan raya	-	3	-	3
Masalah pada hari mengundi	8	9	-	17
<b>Jumlah kes mengikut parti</b>	<b>21</b>	<b>13</b>	<b>1</b>	<b>35</b>

## 2. Penamaan calon

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian pada hari penamaan calon di Dewan Seri Cempaka Majlis Perbandaran Kajang. Secara keseluruhan, proses penamaan calon dijalankan dengan lancar.

Pengasingan penyokong parti oleh pihak polis amat memuaskan. Semua penyokong parti telah diaturkan untuk berkumpul di luar jarak 100 meter dari pintu pusat penamaan calon dan penyokong BN dan PH diasingkan dengan kira-kira 200 meter antara mereka.

Namun, Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman diserang oleh penyokong BN di luar pusat penamaan calon selepas pencalonan. Turut kedengaran ialah perkataan yang berbentuk makian. Beliau juga mendakwa dikasari dan diugut oleh Exco Pemuda UMNO Papagomo atau nama sebenar Wan Muhammad Azri Wan Deris. BERSIH 2.0 tidak dapat mengesahkan kesahihan dakwaan terhadap Papagomo secara bebas.

## 3. Kempen pilihan raya

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap aktiviti-aktiviti kempen pilihan raya yang mendokumentasikan salah laku dan kesalahan pilihan raya yang dilakukan sebelum dan semasa tempoh berkempen.

### 3.1 Pakatan Harapan

BERSIH 2.0 telah mencatat 13 isu berkenaan dengan salah laku Pakatan Harapan (PH) semasa tempoh berkempen.

1. Pada 10 Februari 2019, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor dan Majlis Belia Malaysia mengadakan program gunting rambut dan tukar minyak motorsikal percuma di Semenyih sempena lawatan rasmi Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.<sup>1</sup> Hal ini merupakan pengaruh tidak wajar oleh kerajaan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri dengan pemberian perkhidmatan dan sumber tersebut. Pemberian tersebut juga melanggari seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.
2. Pada 12 Februari 2019, dalam lawatan kerja di Kem Batalion 4 Pasukan Gerakan Am (PGA) di Semenyih, Menteri Dalam Negeri Muhyiddin Yassin mengumumkan peruntukan RM1.4 juta bagi penyelenggaraan ibu pejabat polis daerah (IPD) Kajang dan balai polis di Kajang, Semenyih, Beranang dan Cheras. Beliau juga mengumumkan peruntukan kepada Persatuan Keluarga Polis (Perkep) IPD Kajang dan PGA Semenyih, masing-masing sebanyak RM20,000 dan peruntukan untuk penyelenggaraan bangunan, aset dan sistem teknologi komunikasi dan maklumat di PGA Semenyih sebanyak RM300,000.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Laman Facebook Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor:  
<https://www.facebook.com/JBSNSelangOr/posts/1980953542002412>

<sup>2</sup> Malaysiakini, "Menjelang PRK Semenyih, Muhyiddin umum peruntukan untuk polis", 12 February 2019:  
<https://www.malaysiakini.com/news/463733>

Pengumuman peruntukkan tersebut semasa tempoh pilihan raya merupakan pengaruh tidak wajar oleh kerajaan persekutuan.

3. Pada 14 Februari 2019, Menteri Besar Selangor Amirudin Shari memberi sumbangan sebanyak RM20,000 kepada Masjid Raja Muda Musa, Semenyih, dua hari sebelum penamaan calon.<sup>3</sup> Hal ini merupakan pemberian dan pengaruh tidak wajar oleh kerajaan negeri.
4. Pada 21 Februari 2019, PH memberi mi goreng dan kek kepada penduduk yang hadir ke ceramah di PDM Batu 26, Beranang.<sup>4</sup> Penjamuan makanan dalam kempen pilihan raya melanggar seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: PH memberi mi goreng dan kek kepada penduduk yang hadir ke ceramah di PDM Batu 26, Beranang

5. Pada 22 Februari 2019, Ketua Pemuda UMNO Asyraf Wajdi Dusuki mendakwa PH mengagihkan hamper dan surat tawaran baik pulih rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada pengundi di Sungai Jai.<sup>5</sup> Presiden Bersatu Muhyiddin Yassin mengesahkan dakwaan tersebut dan berkata perbuatan tersebut tidak melanggar undang-undang kerana pemberian surat tawaran tersebut sudah diputuskan sebelum PRK.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, pemberian hadiah iaitu hamper semasa berkempen telah melanggar seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya. Pemberian surat

<sup>3</sup> Selangorkini, "Masjid Raja Muda Musa Semenyih terima sumbangan", 15 Februari 2019: <https://selangorkini.my/2019/02/masjid-raja-muda-musa-semenyih-terima-sumbangan/>

<sup>4</sup> Laporan pemerhati BERSIH 2.0

<sup>5</sup> Laman Facebook Dr Asraf Wajdi Dusuki:

<https://www.facebook.com/drasyrafwajdidusuki/posts/2534081853288513>

<sup>6</sup> Malaysiakini, "Muhyiddin: Surat tawaran baik pulih rumah diputuskan sebelum PRK", 22 Februari 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/465199>

tawaran baik pulih rumah semasa tempoh pilihan raya juga merupakan pengaruh tidak wajar kerajaan yang menggunakan pemberian tersebut untuk tujuan meraih undi.

6. Pada 22 Februari 2019, terdapat individu yang mengagihkan bubur lambuk dalam bekas yang mempunyai pelekat Pakatan Harapan di Masjid Bandar Rinching.<sup>7</sup> Penjamuan makanan untuk berkempen merupakan satu kesalahan pilihan raya di bawah seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: Bubur lambuk yang mempunyai pelekat Pakatan Harapan diagihkan di Masjid Bandar Rinching

7. Pada 23 Februari 2019, Angkatan Muda Keadilan Ampang dan Pemuda Kampung Pasir Semenyih telah menganjurkan program tukar minyak hitam motorsikal percuma di Dewan Orang Ramai Kampung Pasir Baru.<sup>8</sup> Pemberian minyak hitam percuma tersebut telah melanggar seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.

<sup>7</sup> Laporan pemerhati BERSIH 2.0

<sup>8</sup> Laman Twitter Angkatan Muda Keadilan Ampang:

<https://twitter.com/amkampang99/status/1099225811104587776>



Gambar: Program tukar minyak hitam percuma di Dewan Orang Ramai Kampung Pasir Baru

8. Pada 24 Februari 2019, dalam Program Sembang Santai Bersama Masyarakat Orang Asli Kampung Sungai Lalang Baru, Presiden Bersatu merangkap Menteri Dalam Negeri berkata bahawa harus mengundi calon daripada parti pemerintah kerana keutamaan akan diberi oleh kerajaan negeri kepada wakil rakyat parti pemerintah berbanding dengan parti pembangkang.<sup>9</sup> Ucapan tersebut merupakan pengaruh tidak wajar kepada pengundi yang melanggar seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya.
9. Pada 24 Februari 2019, dalam Program Sembang Santai Bersama Masyarakat Orang Asli Kampung Sungai Lalang Baru, Tok Batin kampung tersebut, Aleh Abdullah diminta untuk membaca teks ucapan yang beliau mendakwa disediakan oleh seorang bekas pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako). Dalam ucapannya, Aleh menyeru komuniti orang asli supaya menyokong calon PH, kalau tidak mereka akan jadi susah.<sup>10</sup> Hal ini juga merupakan pengaruh tidak wajar kepada pengundi yang melanggar seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya.
10. Pada 25 Februari 2019, Menteri Kesihatan Dzulkefly Ahmad mencadangkan untuk membina satu klinik kesihatan baharu di Semenyih dan menambahbaik kemudahan

<sup>9</sup> Malaysiakini, "Muhyiddin: Jika pilih Aiman tak perlu tunggu di luar pintu MB", 24 Februari 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/465443>

<sup>10</sup> Astro Awani, "Tok Batin dakwa teks ucapan bukan tulisan sendiri", 24 Februari 2019: [www.astroawani.com/berita-politik/tok-batin-dakwa-teks-ucapan-bukan-tulisan-sendiri-199479](http://www.astroawani.com/berita-politik/tok-batin-dakwa-teks-ucapan-bukan-tulisan-sendiri-199479)

Hospital Kajang ketika ditemubual oleh pemberita.<sup>11</sup> Pengumuman tersebut semasa tempoh pilihan raya kecil adalah pengaruh tidak wajar oleh kerajaan.

11. Pada 26 Februari 2019, makanan barbeku percuma diberi kepada penduduk yang hadir ke Program Jom Santai bersama ahli majlis pimpinan tertinggi PPBM Mohd Rafiq Naizamohideen di Taman Kanak-kanak, Taman Gembira.<sup>12</sup> Pemberian makanan percuma kepada pengundi merupakan perbuatan melanggar seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: Pemberian makanan barbeku percuma di Program Jom Santai bersama ahli majlis pimpinan tertinggi PPBM Mohd Rafiq Naizamohideen

12. Pada 27 Februari 2019, dalam Program Semarak Seni Kraf di Dewan Haji Md Silin, Beranang, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Mohammaddin Ketapi mengumumkan peruntukan RM80,000 untuk menambahbaik dewan tersebut. Sebanyak 33 hadiah diberikan kepada hadirin bertuah dalam program tersebut, dengan hadiah utama sebuah basikal.<sup>13</sup> Pemberian peruntukkan dan hadiah oleh kerajaan semasa pilihan raya kecil dijalankan merupakan suatu pengaruh yang tidak wajar oleh kerajaan dan pemberian hadiah untuk meraih undi adalah melanggar seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya. Mohammaddin Ketapi telah membuat permohonan maaf dan menarik balik peruntukan tersebut kemudian.
13. Pada 1 Mac 2019, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin mengedar bubur lambuk dalam bekas yang berpelekat logo Harapan kepada orang

<sup>11</sup> Sinar Harian, "Dzulkefly cadang bina satu lagi klinik di Semenyih", 26 Februari 2019: <https://www.sinarharian.com.my/article/14987/BERITA/Nasional/Dzulkefly-cadang-bina-satu-lagi-klinik-di-Semenyih>

<sup>12</sup> Laporan pemerhati BERSIH 2.0

<sup>13</sup> Malaysiakini, "Menteri umum RM80,000 baik pulih dewan di Semenyih", 27 Februari 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/465900>

ramai di depan Masjid Raja Muda Musa Semenyih.<sup>14</sup> Penjamuan makanan merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



Gambar: Zuraida Kamaruddin mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai di depan Masjid Raja Muda Musa Semenyih

### 3.2 Barisan Nasional

BERSIH 2.0 telah mencatat 3 isu berkenaan dengan salah laku Barisan Nasional (BN).

1. Pada 24 Februari 2019, Setiausaha Agung BN, Nazri Aziz berkata dalam satu ceramah di Beranang bahawa kerajaan PH lemah kerana jawatan-jawatan ketua hakim negara, peguam negara dan menteri kewangan dipegang oleh bukan orang Melayu.<sup>15</sup> Ucapan tersebut merupakan kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum di bawah seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya.
2. Pada 27 Februari 2019, Ketua UMNO Bahagian Puchong Mohamed Satim Diman berkata dalam satu ceramah di Bandar Tasik Kesuma bahawa satu demi satu PRK yang berlaku di Selangor adalah amaran daripada Allah supaya rakyat Malaysia memilih parti yang tepat.<sup>16</sup> Penggunaan agama dalam ucapan tersebut merupakan pengaruh tidak wajar terhadap kerohanian pengundi yang melanggar seksyen 9(2) Akta Kesalahan Pilihan Raya.
3. Pada 28 Februari 2019, Pemangku Presiden UMNO Mohamad Hassan berkata dalam satu ceramah di Bandar Bukit Mahkota bahawa "Orang Melayu dijadikan merasa seperti

<sup>14</sup> Laporan pemerhati BERSIH 2.0

<sup>15</sup> Malaysiakini, "Nazri: AG, CJ, menteri kewangan tak percaya kitab, agama kita", 24 Februari 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/465370>

<sup>16</sup> Malaysiakini, "'Pemimpin PH mati satu persatu petanda dari Allah'", 28 Februari 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/465936>



pelawat di negara mereka sendiri kerana terdapat terlalu banyak 'penumpang' di parlimen. Kerajaan ini tidak memandang hak Melayu dan Islam. Sekarang 'rumah besar' penuh dengan 'penumpang'".<sup>17</sup> Ucapan tersebut merupakan kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum di bawah seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya.

### 3.3 Lain-lain

BERSIH 2.0 telah mencatatkan 1 kes kesalahan yang dilakukan oleh pihak yang tidak dapat dikenal pasti.

1. Pada 21 Februari 2019, kereta pembantu calon BN telah disimbah cat ketika mereka berkempen di Kampung Rinching Hulu.

### 4. Pengundian awal

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian bagi pengundian awal pada 26 Februari 2019 di Dewan Serbaguna Batallion 4 PGA Semenyih dan Discreess Room, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang. Beberapa isu telah diperhatikan:

1. Di Dewan Serbaguna Batallion 4 PGA Semenyih, petak mengundi saluran 1 terletak di depan tandas yang masih digunakan, manakala petak mengundi di saluran 2 terletak di depan pentas di mana pentas tersebut digunakan sebagai tempat rehat petugas-petugas. Hal ini mungkin menjejaskan kerahsiaan undi semasa pengundian dijalankan. Pihak SPR dan ketua tempat mengundi harus memastikan tiada orang berdekatan dengan petak mengundi untuk menjamin kerahsiaan undi.
2. Di Dewan Serbaguna Batallion 4 PGA Semenyih, pegawai-pegawai dan ahli-ahli SPR berbual dalam kumpulan dalam dewan ketika ahli-ahli SPR melawat ke dewan tersebut. Hal ini mungkin menyebabkan gangguan dalam tempat mengundi.
3. Di Dewan Serbaguna Batallion 4 PGA Semenyih, tempat mengundi di dewan yang besar menyebabkan kelemahan dalam pengawalan aliran pengundi. Kami mencadangkan untuk menyediakan pita/tali berbaris (*queue rope*) untuk aliran pergerakan pengundi yang lebih baik.
4. Tarikh dalam kad pengundi untuk pengundi awal ialah tarikh hari mengundi biasa, iaitu 2 Mac 2019. Hal ini menyebabkan kekeliruan sesetengah pengundi awal.

Secara keseluruhan, proses pengundian awal dijalankan dengan lancar.

---

<sup>17</sup> Malay Mail, "Tok Mat says too many 'penumpang' as ministers in Parliament", 1 Mac 2019:  
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/03/01/tok-mat-says-too-many-penumpang-as-ministers-in-parliament/1727983>

## 5. Pengundian dan pengiraan undi biasa

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian di 12 pusat mengundi, iaitu:

- |                                               |                                   |
|-----------------------------------------------|-----------------------------------|
| 1. SK Bandar Sunway Semenyih                  | 7. SJKC Sin Ming Semenyih         |
| 2. SK Ulu Semenyih                            | 8. SK Bandar Rinching             |
| 3. Pejabat JKKK Kampung Baru Tarun/Broga      | 9. SMK Engku Husain               |
| 4. Dewan Orang Ramai Semenyih                 | 10. SMK Bandar Rinching           |
| 5. SJKC Kampung Baru Semenyih                 | 11. SK Kantan Permai              |
| 6. Sekolah Rendah Agama Batu Tiga Jalan Bangi | 12. KAFA Integrasi Hidayatul Iman |

Beberapa masalah telah diperhatikan.

### 5.1 Ketidapatuhan peraturan pilihan raya

#### 5.1.1 'Pondok panas' di luar pusat mengundi

BERSIH 2.0 mendapati 10 kes yang berkaitan dengan barung semakan daftar pemilih atau lebih dikenali sebagai 'pondok panas' diwujudkan di luar pusat mengundi. Kedua-dua barung semakan daftar pemilih BN dan PH telah didapati di luar pusat mengundi SK Kantan Permai, SJKC Kampung Baru Semenyih, Dewan Orang Ramai Semenyih, SMK Bandar Rinching dan SK Bandar Rinching. Perbuatan mendirikan barung tersebut telah melanggar seksyen 26(1)(c) Akta Kesalahan Pilihan Raya.

#### 5.1.2 Berkempen pada hari mengundi

Pemerhati BERSIH 2.0 mendapati 7 kes yang melibatkan penyokong BN dan PH berkempen di luar pusat mengundi. Penyokong BN dan PH didapati berkempen di luar SMK Engku Husain, SK Ulu Semenyih dan Dewan Orang Ramai Semenyih, manakala penyokong BN sahaja didapati berkempen di luar SJKC Sin Ming Semenyih. Perbuatan merayu undi pada hari mengundi merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 26(1)(f) Akta Kesalahan Pilihan Raya.

#### 5.1.3 Menentukan identiti pengundi

Terdapat individu daripada parti politik yang mengambil nama pengundi yang telah mengundi di luar pusat mengundi Sekolah Rendah Agama Batu Tiga Jalan Bangi dan SJKC Sin Ming. Menurut seksyen 26(e)(i) dan (ii) Akta Kesalahan Pilihan Raya, ia merupakan satu kesalahan sekiranya seseorang menyemak dan mengenalpasti identiti pengundi dalam jarak 50 meter dari pusat mengundi.

BERSIH 2.0 telah membuat laporan tentang aktiviti-aktiviti berkempen tersebut kepada ketua-ketua pasukan penguatkuasa kempen pilihan raya (PPKPR) melalui WhatsApp. Namun, tiada maklum balas diterima sehingga tamatnya hari mengundi.

#### **5.1.4 Perbelanjaan untuk mengangkut pengundi**

Pemerhati BERSIH 2.0 mendapati 1 kes yang melibatkan perbelanjaan untuk mengangkut pengundi. BN telah menyediakan kenderaan untuk membawa pengundi ke dan dari pusat mengundi Sekolah Rendah Agama Batu Tiga Jalan Bangi. Hal ini menimbulkan persoalan bahawa perbelanjaan untuk kenderaan tersebut telah melanggar seksyen 20(i) Akta Kesalahan Pilihan Raya.

### **5.2 Kemudahan di pusat mengundi**

Tiada *ramp* disediakan untuk pengundi berkerusi roda di Kafa Integrasi Hidayatul Iman dan Sekolah Rendah Agama Batu Tiga Jalan Bangi. Di Dewan Orang Ramai Semenyih, ambang pintunya tidak mesra pengguna kerusi roda dan terdapat pemandu arah yang menolak kerusi roda dengan cara yang bahaya, iaitu menolak pengundi berkerusi roda ke hadapan ketika menurun *ramp*. Pemandu arah harus dilatih untuk membantu pengundi kerusi roda dengan cara yang selamat.

Di SK Bandar Rinching, kerusi disediakan di tempat perhimpunan dan bukannya di luar saluran 1 dan 2 di mana pengundi warga emas perlukan kerusi-kerusi tersebut. Kerusi harus disediakan di luar saluran 1 dan 2 setiap pusat mengundi untuk warga emas yang memerlukannya.

### **5.3 Isu petugas pusat mengundi**

Secara keseluruhan, ramai kerani pengundian masih tidak jelas dengan prosedur yang ditetapkan oleh SPR. Sebagai contoh, ada kerani pengundian (KP) 1 tidak menyepak kesemua jari pengundi atau langsung tidak menyepak, KP 2 mencelup jari dan KP 3 mengeluarkan kertas undi sebelum KP 1 habis membaca nama pengundi, dan sebagainya.

Di saluran 1, SK Bandar Sunway, terdapat 5-6 undi ditolak kerana terdapat beberapa tompok dakwat pen yang kecil. Hal ini mungkin disebabkan oleh pen yang digunakan di petak mengundi. SPR harus memastikan kualiti/jenis pen yang disediakan adalah sesuai dan KTM harus memastikan pen di petak mengundi tidak bocor.

Di saluran 1, SK Bandar Sunway, terdapat kerani pengiraan yang mengira tanpa mengikut prosedur iaitu mengira sepuluh kertas undi dan mengikat dan yang meletakkan tangan di dalam dulang kertas undi semasa kerani lain tengah mengira undi. Hal ini seharusnya dielakkan supaya tidak menyebabkan keraguan oleh ejen mengira undi terhadap kerani

pengiraan undi. SPR harus memastikan latihan yang mencukupi disediakan kepada kerani pengundian dan pengiraan.

## 6. Pengiraan undi berkelompok

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian bagi pengiraan undi berkelompok di Dewan Seri Cempaka Majlis Perbandaran Kajang. Proses pengiraan telah dijalankan dengan lancar dan teratur.

## 7. Penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi di Dewan Seri Cempaka Majlis Perbandaran Kajang

Secara keseluruhan, proses penjumlahan undi dijalankan dengan lancar. Namun, pegawai pengurus menunggu ketibaan calon BN untuk mengumumkan keputusan dan mengambil masa. Pengisytiharan keputusan rasmi harus dijalankan sebaik sahaja penjumlahan undi selesai.

## 8. Kesimpulan

Secara keseluruhan, PRK Semenyih dijalankan dengan lancar dan teratur.

Beberapa penambahbaikan telah diperhatikan dalam PRK Semenyih berbanding dengan pilihan raya sebelumnya:

1. SPR telah menghantar kad pengundi kepada pengundi. Inisiatif ini telah mempercepatkan proses mengundi.
2. SPR telah mengeluarkan maklumat perhubungan Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR), Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk edaran umum supaya orang awam boleh melaporkan kesalahan pilihan raya kepada pihak tersebut.
3. Bilangan PPKPR telah ditambah ke 4 pasukan. Walaupun demikian, penguatkuasaan oleh PPKPR masih kurang memuaskan.

BERSIH 2.0 ingin memberi cadangan tambahan seperti berikut:

1. SPR harus memberi taklimat atau latihan kepada PPKPR supaya mereka dapat menjalankan penguatkuasaan dengan berkesan.

2. Penyelarasan antara PPKPR dan PDRM harus dijelaskan supaya penguatkuasaan undang-undang pilihan raya dijalankan dengan berkesan.
3. SPR harus menugaskan kerani pengundian 4 di saluran 1 dan 2 pusat pengundi supaya mereka dapat memberi bantuan kepada pengundi warga emas dan orang kurang upaya yang berkerusi roda tanpa mengganggu kerja ketua tempat mengundi. Jika tidak, pemandu arah pusat mengundi boleh ditugaskan untuk membantu pengundi-pengundi tersebut.
4. SPR mewujudkan satu borang atas talian supaya orang awam yang telah membuat laporan polis tentang kesalahan pilihan raya dapat muat naik salinan laporan mereka. Ini dapat membantu SPR untuk menjalankan follow-up dengan pihak polis mengenai status siasatan polis.
5. SPR harus mengadakan taklimat untuk semua calon atau wakil calon mengenai peraturan pilihan raya dan apa yang boleh dan tidak boleh dibuat semasa tempoh pilihan raya. Cadangan masa taklimat ialah 2 jam dan nota diberi kepada calon atau wakil calon yang hadir.